



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

21 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Sejak akhir-akhir ini, kerajaan telah menerima banyak aduan melibatkan sektor perkilangan yang didakwa menyalahgunakan surat kebenaran untuk menjalankan operasi melibatkan perkhidmatan bukan perlu sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh ini.

Mengikut maklumat terdapat kilang-kilang dikesan melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) apabila beroperasi melebihi kapasiti 60 peratus pekerja malah ada antara mereka yang memakai gelang kuarantin tetap diarahkan datang bekerja.

Justeru, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap kilang-kilang yang melanggar SOP dengan melakukan pemeriksaan dan serbuan. Kilang-kilang yang dikenalpasti ini akan dikenakan kompaun termasuk arahan menutup premis serta-merta.

Mesyuarat MKN hari ini bersetuju bahawa tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang ini, termasuk melakukan serbuan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN), yang akan menyelaraskan operasi dengan semua agensi penguatkuasaan di seluruh negara.

PKPD 2 lokaliti di Bahagian Mukah, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan dua (2) lokaliti dalam Bahagian Mukah, Sarawak iaitu:

- Rumah Panjang Gabriel Bujang anak Ikau, Sungai Lepah, Tanjung Manis
- Kwarters Pekerja Balingian Power Generation, Jalan Sibu-Mukah

Sehingga kini, sebanyak 49 kes telah direkodkan hasil daripada 117 ujian saringan di Rumah Panjang Gabriel Bujang anak Ikau manakala di Kwarters Pekerja Balingian Power Generation, sebanyak 25 ujian saringan telah dilakukan dan 15 daripadanya positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 23 Jun sehingga 6 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM melaksanakan ujian saringan ke atas semua penduduk sekali gus mengelak berlaku penularan ke luar kawasan.

PKPD 2 lokaliti di Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah iaitu:

- Blok 11 Kampung Titingan
- Batu 7, Jalan Tinagat

Sehingga kini, sebanyak 13 kes positif COVID-19 telah direkodkan di Blok 11 Kampung Titingan selepas 36 individu disaring manakala di Batu 7, Jalan Tinagat terdapat 12 kes dilaporkan hasil daripada 15 ujian saringan dilakukan oleh KKM di lokaliti tersebut.

KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 23 Jun sehingga 6 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Ejuk, Kota Belud, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Ejuk, Kota Belud, Sabah.

Sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah direkodkan selepas 16 individu disaring dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ejuk, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 23 Jun sehingga 6 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

PKPD Kampung Warisan, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Warisan, Kota Kinabalu, Sabah.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes apabila sebanyak 13 kes telah direkodkan di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Warisan, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 23 Jun sehingga 6 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Penjara Sungai Udang (kecuali Kuarters Penjara), Melaka Tengah, Melaka

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Penjara Sungai Udang (kecuali Kuarters Penjara), Melaka Tengah, Melaka.

Sehingga 21 Jun 2021, KKM telah melakukan 262 ujian saringan dan 157 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Sungai Udang (kecuali Kuarters Penjara), Melaka Tengah, Melaka berkuat kuasa 23 Jun sehingga 6 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kilang Sawit Cahaya Muda (termasuk kuarters pekerja), Batang Padang, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kilang Sawit Cahaya Muda (termasuk kuarters pekerja), Batang Padang, Perak.

Sehingga kini KKM telah melakukan 281 ujian saringan dan 97 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kilang Sawit Cahaya Muda (termasuk kuarters pekerja), Batang Padang, Perak berkuat kuasa 23 Jun sehingga 6 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD 3 lokaliti di Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti dalam daerah Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Ketiga-tiga lokaliti tersebut ialah:

- Taman Apas Permai
- Bandar Sri Indah
- Taman Megah Jaya

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 405 ujian saringan dan 72 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 di ketiga-tiga lokaliti itu.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga lokaliti seperti dinyatakan pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Narandang, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Narandang, Kudat, Sabah, yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 133 ujian saringan dan 19 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Narandang, Kudat, Sabah pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 502 ujian saringan dan 68 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Politeknik Sultan Azlan Shah, Muallim, Perak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Politeknik Sultan Azlan Shah, Muallim, Perak yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 581 ujian saringan dan 29 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Politeknik Sultan Azlan Shah, Muallim, Perak pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD FELDA Trolak Utara, Sungkai, Perak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Trolak Utara, Sungkai, Perak yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 2,510 ujian saringan dan 62 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Trolak Utara, Sungkai, Perak pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Bolong Baru, Tuaran Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bolong Baru, Tuaran, Sabah yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 906 ujian saringan dan 33 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Bolong Baru, Tuaran, Sabah pada 21 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD FELDA Tembangau 1 & 3, Bera, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Tembangau 1 & 3, Bera, Pahang yang dijadualkan tamat pada 24 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,766 ujian saringan dan 55 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Tembangau 1 & 3, Bera, Pahang pada 21 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Simpangan, Tuaran, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Simpangan, Tuaran, Sabah yang dijadualkan tamat pada 30 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 523 ujian saringan, 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Simpangan Tuaran, Sabah pada 21 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 90,386 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,414 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,108 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 825 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 810 individu dikompaun manakala 15 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (217)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (151)
- Tidak memakai pelitup muka (137)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (113)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (94)
- Membawa penumpang berlebihan (45)
- Aktiviti pusat hiburan (26)
- Premis gagal patuhi arahan (12)
- Lain-lain (30)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 17 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas lima (5) buah kenderaan darat serta sebuah buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 171 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui sembilan (9) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 957 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 903 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 106 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 50 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (8).

Operasi sanitasi ini melibatkan 551 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 217 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 114 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,535 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 856 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 230,738 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,726 individu telah dikuarantin dan 220,241 orang dibenarkan pulang manakala 2,771 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 736 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (557), pemborong (147) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,027 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,007 premis mematuhi SOP, 12 dikenakan dikompaun manakala lapan (8) lagi diberi nasihat.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**